

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HIS 305 Institusi Kekeluargaan Islam

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab soalan SATU [1] (wajib) dan DUA [2] soalan lain.

1. Perkahwinan di dalam Islam merupakan pensyarikatan hidup (*syarikat al-hayah*);
  - [a] Nyatakan konsep-konsep yang perlu difahami dan dihayati oleh pasangan suami isteri berhubung dengan prinsip di atas.
  - [b] Kejayaan pensyarikatan hidup suami isteri muslim merupakan kejayaan dan kemenangan bagi orang-orang mukmin. Bincangkan konsep al-Najah dan al-Falah dalam konteks kehidupan berkeluarga.
2. Terdapat perbezaan pendapat antara 'ulama mazhab Abu Hanifah dan mazhab Jumah tentang keharusan bercerai disebabkan suami tidak mampu memberi nafkah atau saraan hidup kepada isteri. Nyatakan dengan jelas pendapat kedua-dua mazhab tersebut berserta hujah masing-masing.
3. *LI'AN* merupakan satu isu yang diperuntukkan di dalam Islam berhubung dengan perceraian dan kekeluargaan. Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan perkara-perkara berikut;
  - [a] Takrif Li'an.
  - [b] Sebab berlaku Li'an.
  - [c] Cara pelaksanaan Li'an.
  - [d] Apakah suami yang berli'an boleh kembali kepada isteri yang dili'annya.

4. Dari apa yang anda pelajari tentang komunikasi kekeluargaan, jawab soalan di bawah menurut pendekatan psikologi keluarga.
- [a] Jenis-jenis keluarga, fungsi dan peranan keluarga.
  - [b] Peringkat-peringkat yang saling berkaitan yang menyebabkan sesebuah keluarga itu berada di dalam kebahagiaan dan ketegangan.
  - [c] Cara-cara komunikasi kekeluargaan.
  - [d] Komen anda tentang komunikasi bergejala (*Symptomatic Communication*).
5. Isu-isu di bawah berkaitan dengan kekeluargaan Islam yang mengandungi hikmah ke arah pembinaan dan pembentukan keluarga murni.
- [a] Nyatakan pendapat Ibn Kathir dan al-Qurtubi tentang maksud al-Quran (al-Taghabun: 15): "Sesungguhnya anak dan harta adalah fitnah bagi kamu (suami)."
  - [b] Ayat 14 di dalam surah al-Taghabun membawa maksud: "Bahawa anak dan isteri adalah musuh bagi kamu." Nyatakan takrif "musuh" seperti yang dijelaskan oleh Ibn Zaid dan Mujahid, kemudian beri pendapat al-Qurtubi tentang "musuh" yang dimaksudkan di dalam ayat tersebut.
  - [c] Surah al-Baqarah ayat 187 bermaksud: "Isteri merupakan pakaian bagi kamu (suami) dan kamu pula adalah pakaian bagi mereka (isteri). Bincangkan hikmah dan faedah yang tersirat di dalam maksud ayat tersebut.